



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras G-6, Rumah Persekutuan,  
Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur  
Tel : 603-2610 3300 Faks: 603-2610 3499

---

## **SIARAN MEDIA**

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

**OPERASI PENGUATKUASAAN PENCEROBOHAN DI ATAS TANAH KERAJAAN,  
LOT 51531, JALAN 8/38A, TAMAN SRI SINAR, MUKIM BATU, WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) telah mengadakan operasi penguatkuasaan pencerobohan di atas tanah Kerajaan bagi membendung aktiviti berkenaan berleluasa di Wilayah Persekutuan khususnya di ibu negara, Kuala Lumpur.

Pelaksanaan operasi penguatkuasaan di Lot 51531, Jalan 8/38A, Taman Sri Sinar, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dilaksanakan pada Rabu, 7 Ogos 2024 merupakan operasi perobohan ke atas tapak dan struktur yang telah dibina tanpa kebenaran yang sah.

Pihak PPTGWP terlebih dahulu telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Pengosongan Tapak pada 4 Julai 2024 kepada pihak penceroboh (pengusaha gimnasium dan seni pertahanan diri) supaya dapat mengosongkan tapak.

Ketika operasi sedang dijalankan, suasana tegang timbul akibat provokasi oleh pihak yang tidak dikenali dengan mengadakan perisai manusia (*human shield*) menggunakan kanak-kanak dan wanita serta halangan kenderaan di kawasan tersebut. Ini menimbulkan suasana yang tidak selamat di lapangan.

Selain itu, pihak penceroboh juga telah meminta untuk diberikan masa untuk mengeluarkan barangan gimnasium, dan telah menandatangani akujanji untuk

mengosongkan tapak dan tidak membuat sebarang aktiviti di tapak tersebut untuk tempoh 30 hari.

**Berdasarkan kepada situasi tersebut, PPTGWP telah menangguhkan operasi penguatkuasaan bagi meredakan suasana serta memberi tempoh masa kepada pihak penceroboh untuk memindahkan peralatan gimnasium dan tidak dibenarkan sebarang aktiviti dijalankan dalam tempoh penangguhan. Operasi penguatkuasaan akan disambung semula selepas 6 September 2024.**

Pencerobohan ke atas tanah Kerajaan yang telah dirizab sebagai kawasan lapang itu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara iaitu menduduki tanah Kerajaan tanpa kebenaran yang sah daripada Pihak Berkuasa Negeri yang boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak lebih tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Operasi bersepadu turut melibatkan kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Air Selangor Sdn. Bhd.

Untuk rekod, PPTGWP telah melipatgandakan usaha membanteras pencerobohan tanah Kerajaan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan sejak tiga (3) tahun lalu dan operasi ini merupakan usaha berterusan untuk memastikan kedaulatan dan kelestarian tanah Kerajaan serta menegakkan undang-undang berkaitan dengan penggunaan tanah secara sah.

Selain itu, PPTGWP menggesa orang awam untuk memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat sebarang maklumat mengenai aktiviti yang mencurigakan atau pencerobohan tanah Kerajaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
08 OGOS 2024**